

**PEMIKIRAN AKIDAH IBNU TAYMIYYAH DAN
MUHAMMAD BIN ‘ABD AL-WAHHĀB DALAM
ISU MUJASSIMAH DAN *TAKFĪRĪ*: SATU
KAJIAN PERBANDINGAN**

MOHAMAD ZAKI BIN HJ ABDUL HALIM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020

**PEMIKIRAN AKIDAH IBNU TAYMIYYAH DAN
MUHAMMAD BIN ‘ABD AL-WAHHĀB DALAM
ISU MUJASSIMAH DAN TAKFĪRĪ: SATU
KAJIAN PERBANDINGAN**

oleh

MOHAMAD ZAKI BIN HJ ABDUL HALIM

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat bagi ijazah
Doktor Falsafah

Jun 2020

PENGHARGAAN

الحمد لله الذي بنعمته تم الصالحات،أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له وأن محمداً عبده ورسوله، الصلاة والسلام عليك يا حبيبي يا رسول الله أنت المقدم في كل مقام وبك حصل الختم يا خير الأنام الصلاة والسلام عليك يا خيرة الله من خلقه أجمعين الصلاة والسلام عليك وعلى آلك وأصحابك وأزواجهك أجمعين ربى اغفر لى ولوالدى وارحمهما كما ربيانى صغيراً

Alhamdulillah segala puji kepada Tuhan yang memiliki sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, para ahli keluarga baginda, para sahabat, tabi'in, tabi' tabi'in dan seterusnya para muslimin dan muslimat seluruhnya. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kajian ilmiah ini telah berjaya disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Mohd Nizam bin Sahad, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pelajar yang baik. Tidak lupa juga kepada Dr. Mohamad Amir bin Wan Harun selaku penyelia bersama, Timbalan Dekan Prof. Madya Dr. Jasni Sulong dan semua para pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM yang telah banyak membantu dalam menyiapkan kajian ini. Begitu juga kepada semua kakitangan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (terutamanya, Puan Fazlin) yang telah memberi bantuan teknikal yang berharga. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan. Begitu juga Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta para staf Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, sahabat-sahabat di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang khususnya di Masjid Daerah Seberang Perai Selatan dan para sahabat saya di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang senantiasa mendoakan kejayaan dan memberi semangat sampai ke tahap ini. Tidak dilupakan juga kepada Tuan Guru Dato' Hj. Md. Saleh bin Hj. Ahmad (matan pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang juga Ahli Majlis Fatwa Negeri Pulau Pinang), Ustaz Hj Rosli bin Othman (Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang yang juga Ahli Majlis Fatwa Negeri Pulau Pinang) dan Prof. Dr. Shukri bin Ahmad (Pensyarah di Universiti Utara Malaysia) yang telah memberi tunjuk ajar dan sumbang saran untuk menyiapkan tesis ini.

Harapan saya jika ada segala pahala yang terzahir daripada amalan dan tulisan ini, mogak ia menjadi amal jariah kepada dua insan yang dirindu al-Marhum ayahanda Haji Abdul Halim bin Husin dan al-Marhumah bonda Hajah Rokiah binti Muhammad. Ribuan terima kasih dititipkan juga kepada kedua-dua ibu bapa mertua yang saya hormati dan sayangi, ayahanda Omar bin Sobri dan bonda Jemilah binti Ahmad yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih kepada isteri tersayang, Puan Zaharah binti Mohd Omar serta anak-anak (Sofea, Nabila, Nadia, Aliya, Rafiq dan Najwa) atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa kalian, sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI KEPENDEKAN	viii
JADUAL TRANSLITERASI	ix
ABSTRAK	xi
ABSTRACT.....	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	10
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Skop Dan Batasan Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Tinjauan Literatur	14
1.7.1 Ibnu Taymiyyah	14
1.7.2 Muhammad Bin ‘Abd Al-Wahhāb	18
1.7.3 Perbandingan Ibnu Taymiyyah Dan Muhammad Bin ‘Abd Al-Wahhāb	25
1.8 Metodologi Kajian	28
1.8.1 Kaedah Pengumpulan Data	29
1.8.2 Kaedah Analisis Data	31
1.8.2(a) Kaedah Induktif	31
1.8.2(b) Kaedah Deduktif	32
1.8.2(c) Kaedah Analisis Kandungan	32
1.8.2(d) Kaedah Perbandingan	33

1.8.3	Kerangka Teori – Konsep Kajian	34
1.8.4	Kerangka Teoritikal Kajian	35
1.8.5	Kerangka Konseptual Kajian	43
BAB 2 PANDANGAN UMUM ULAMA’ DALAM ISU MUJASSIMAH DAN TAKFĪRĪ	48
2.0	Pendahuluan	48
2.1	Latar belakang Isu <i>Mujassimah</i> Dan <i>Takfīrī</i>	48
2.2	Perbahasan <i>Mujassimah</i> : Manhaj Salaf Dan Khalaf	50
2.2.1.	Definisi Golongan Ulama’ Salaf Dan Khalaf	52
2.3	Manhaj Ulama’ Dalam Memahami Isu <i>Mutashābihāt</i> Dalam Akidah	56
2.3.1	Definisi <i>Mutashābihāt</i>	56
2.3.2	Skop Perbahasan Ulama’ Dalam Isu <i>Mutashābihāt</i>	58
2.3.2(a)	Kumpulan <i>Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamā‘ah</i>	59
2.3.2(b)	Kumpulan Mujassimah Atau <i>Mushabbihah</i>	66
2.3.2(c)	Kumpulan Muktazilah Atau Mu‘at̄tilah	67
2.4	Punca Munculnya Persoalan Isu <i>Mutashābihāt</i> Atau <i>Mujassimah</i>	71
2.5	Takwilan Ulama’ Salaf Terhadap Nas-Nas Sifat <i>Mutashābihāt</i>	77
2.6	Kesimpulan Isu <i>Mujassimah</i> Atau <i>Mushabbihah</i>	85
2.7	Perbahasan <i>Takfīrī</i> : Isu <i>Takfīrī</i> (Kafir Mengkafir)	86
2.8	Istilah <i>Takfīr</i>	86
2.9	Sejarah Isu <i>Takfīr</i>	89
2.10	Konsep <i>Takfīr</i>	93
2.10.1	Ayat-Ayat Berkaitan <i>Takfīr</i> Dalam Al-Quran	94
2.10.2	Hadis-Hadis Rasulullah SAW Berkaitan <i>Takfīr</i>	98
2.10.3	Kafir Menurut Syariat (<i>Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah</i>)	103
2.10.3(a)	Kafir <i>Ākbar</i>	103
2.10.3(b)	Kafir <i>Āṣghar</i>	106

2.10.4	Syarat Menghukumkan Kafir (<i>Takfir</i>)	107
2.10.4(a)	Baligh Dan Berakal	107
2.10.4(b)	Perbuatan Kafir Dilakukan Dengan Sengaja	108
2.10.4(c)	Ditegakkan Hujah Ke Atasnya	109
2.10.4(d)	Perbuatan Diukur Daripada Zahirnya	113
2.11	Kesimpulan	115
BAB 3	RIWAYAT HIDUP IBNU TAYMIYYAH DAN MUHAMMAD BIN ‘ABD AL-WAHHĀB	117
3.1	Pendahuluan	117
3.2	Biografi Ibnu Taymiyyah	117
3.3	Latar Belakang Peribadi	118
3.3.1	Kelahiran	118
3.3.2	Keperibadian	120
3.3.3	Pendidikan	122
3.3.4	Manhaj Perjuangan Dan Tribulasi Kehidupan	125
3.3.4(a)	Dakwah	125
3.3.4(b)	Peperangan	130
3.3.4(c)	Tribulasi: Sebab Dan Kesudahan	132
3.4	Pemikiran Dan Manhaj Ilmu Ibnu Taymiyyah	134
3.4.1	Dalam Penyelidikan Dan Penulisan	134
3.3.2	Menyokong Manhaj Al-Salaf	136
3.5	Riwayat Hidup Muhammad Bin ‘Abd Al-Wahhāb Dan Suasana Semasa	140
3.6	Latar Belakang Peribadi	141
3.6.1	Kelahiran	142
3.6.2	Keperibadian	143
3.6.3	Pendidikan	144
3.6.4	Perjuangan Dan Tribulasi	146

3.6.4(a) Dakwah	146
3.6.4(b) Karya Tulisan	149
3.7 Pemikiran Dan Manhaj Muhammad Bin ‘Abd Al-Wahhāb	150
3.7.1 Anti Taklid Dan Membuka Pintu Ijtihad	150
3.7.2 Pemurnian Islam	151
3.7.2(a) Aspek Akidah	152
3.7.2(b) Aspek Ibadah Dan Syariat	155
3.7.3 Pemikiran <i>İslahī</i> (Perdamaian)	155
3.8 Faktor Persekitaran Dan Budaya Pemikiran Masyarakat Mempengaruhi Bentuk Pemikiran Ibnu Taymiyyah Dan Muhammad Bin ‘Abd Al-Wahhāb...	157
3.8.1 Persekitaran Kehidupan Ibnu Taymiyyah	159
3.8.2 Persekitaran Kehidupan Muhammad Bin ‘Abd Al-Wahhāb	162
BAB 4 ANALISIS PERBANDINGAN PEMIKIRAN IBNU TAYMIYYAH DAN MUHAMMAD BIN ‘ABD AL-WAHHĀB DALAM ISU MUJASSIMAH DAN <i>TAKFĪRĪ</i>	167
4.1 Pendahuluan	167
4.2 Analisis Pemikiran Ibnu Taymiyyah Dalam Isu <i>Mujassimah</i> Dan <i>Takfīrī</i>	169
4.2.1 Takwil Menurut Ibnu Taymiyyah	170
4.2.2 Bentuk Takwil Yang Ditolak Oleh Ibnu Taymiyyah	178
4.2.3 Analisis Pemikiran <i>Tajsīm</i>	186
4.2.4 Analisis Kritikan Ulama’ Terhadap Ibnu Taymiyyah Dalam Isu <i>Tajsīm</i>	193
4.2.4(a) Jisim Tidak Dinafikan Bagi Allah SWT Dan Tidak Ditetapkan	193
4.2.4(b) Komentar Para Ulama’ Dalam Isu <i>Tajsīm</i>	195
4.3 Analisis Isu <i>Takfīr</i> Menurut Ibnu Taymiyyah	205
4.3.1 Pembahagian <i>Takfīr</i>	207
4.4 Analisis Pemikiran Muhammad Bin ‘Abd Al-Wahhāb Dalam Isu <i>Mujassimah</i> Dan <i>Takfīrī</i>	213

4.4.1	Ayat-Ayat Sifat <i>Mutashābihāt</i> Menurut Muḥammad Bin ‘Abd Al-Wahhāb	214
4.4.2	Analisis Pemikiran Muḥammad Bin ‘Abd Al-Wahhāb Tentang Tauhid	221
4.4.2(a)	Prinsip Pertama: Tauhid Rububiyyah	222
4.4.2(b)	Prinsip Kedua: Tauhid Uluhiyyah	225
4.4.2(c)	Prinsip Ketiga: Tauhid Zat, Asma’ Dan Sifat	233
4.4.3	Analisis Kritikan Ulama’ Terhadap Tafsiran Muḥammad Bin ‘Abd Al-Wahhāb Dalam Isu Akidah	236
4.5	Analisis Isu <i>Takfīr</i> Menurut Muḥammad Bin ‘Abd Al-Wahhāb	245
4.5.1	Pembahagian Syirik Dan Kufur	248
4.5.2	Penafian <i>Takfīr</i>	254
4.6	Rumusan Analisis	257
4.7	Analisis Dapatan Berdasarkan Persoalan Kajian	260
4.7.1	Pandangan Ulama’ Salaf dan Khalaf Dalam Isu <i>Mujassimah</i> Dan <i>Takfīrī</i> Serta Punca Persoalan Munculnya Isu Ini	261
4.7.2	Manhaj Pemikiran Ibnu Taymiyyah Dan Muḥammad Bin ‘Abd Al-Wahhāb Serta Pendekatan Dakwah Mereka Dalam Isu Akidah..	265
4.7.3	Sudut Perbezaan Pemikiran Akidah Kedua-dua Tokoh Dan Kecenderungan Dalam Isu <i>Mujassimah</i> Dan <i>Takfīrī</i>	277
4.7.4	Isu <i>Mujassimah</i> Dan <i>Takfīrī</i> Dikaitkan Dengan Ibnu Taymiyyah Dan Muḥammad Bin ‘Abd Al-Wahhāb	280
BAB 5	RUMUSAN DAN CADANGAN	282
5.1	Pengenalan	282
5.2	Rumusan	282
5.3	Saranan	285
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	287
5.5	Penutup	288
SENARAI RUJUKAN	289	

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1.1	Carta Kerangka Konseptual Kajian Perbandingan Pemikiran Dalam Isu <i>Mujassimah</i> Dan <i>Takfīrī</i>	47
Rajah 2.2	Carta Kumpulan Utama Yang Berbahas Dalam Isu <i>Mujassimah</i>	59
Rajah 3.3	Peta kedudukan Kota Harran, Wilayah Sanhurfa Turki tempat kelahiran Ibnu Taymiyyah	120
Rajah 3.4	Peta ‘Uyainah, Yamamah, Berdekatan Dengan Al-Dar‘iyah Di Najd Tempat Kelahiran Muḥammad Bin ‘Abd Al-Wahhāb	143
Rajah 4.5	Carta Aliran Perbincangan Analisis Pemikiran Ibnu Taymiyyah Dalam Isu <i>Mujassimah</i> Dan <i>Takfīrī</i>	170
Rajah 4.6	Perbezaan Bentuk Takwilan Ibnu Taymiyyah Dengan Para Ulama’	186
Rajah 4.7	Asas Fahaman Ibnu Taymiyyah Dalam Isu <i>Tajsīm</i>	193
Rajah 4.8	Ringkasan Antara Manhaj Ibnu Taymiyyah Dan Para Ulama’ Dalam Isu <i>Tajsīm</i>	204
Rajah 4.9	Carta Aliran Perbincangan Analisis Pemikiran Muḥammad Bin ‘Abd Al-Wahhāb Dalam Isu <i>Mujassimah</i> Dan <i>Takfīrī</i>	214

SENARAI KEPENDEKAN

‘Abd	‘Abdul
[a.s.]	‘Alaih Al-Salām
Cet.	Cetakan
Dr.	Doktor
ed.	Editor
et.al.	Ditulis oleh lebih daripada dua orang penulis
H.	Hijrah
Hj.	Haji
Hlm.	Halaman
Ibid.	Ibidem (Latin) – pada rujukan yang sama
Jld.	Jilid
Juz.	Juzuk
M	Masihi
No.	Nombor
Prof.	Profesor
[r.a.]	<i>Radhi>Allāhu ‘Anh</i>
SAW	<i>Şalla Allāh ‘Alaiyh Wa Salām</i>
SWT	<i>Subḥānahu wa Ta‘āla</i>
t.p.	Tanpa Penerbit
terj.	Terjemahan
t.t.p.	Tanpa Tempat Penerbit
t.t.	Tanpa Tarikh
USM	Universiti Sains Malaysia
w.	Wafat

JADUAL TRANSLITERASI

Transliterasi yang digunakan ialah berdasarkan kepada Daftar Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia (2008), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur sebagaimana panduan di bawah;

A. Konsonan

ا	-	ظ	ڙ
ب	b	ع	'
ت	t	غ	gh
ث	th	ف	f
ج	j	ق	q
ح	ڻ	ڪ	k
خ	kh	ل	l
د	d	م	m
ذ	dh	ن	n
ر	r	و	w
ز	z	هـ	h
س	s	يـ	y
شـ	sh	ءـ	'
صـ	§	ىـ	ା
ضـ	ڏ	ڦـ	h
طـ	ڙ		

B. Vokal

Pendek		Panjang		Diftong	
ا	a	ا	ā	أيْ	ay
ي	i	ي	ī	أوْ	aw
و	u	و	ū	يَ	ay/ ī

Pengecualian: perkataan-perkataan Arab yang telah dimelayukan melalui Kamus Dewan tidak akan ditransliterasikan. Contoh: syariah, syarak, Rasulullah, hadis dan lain-lain. Namun apabila perkataan-perkataan tersebut digunakan di dalam frasa Arab ia akan ditransliterasikan. Semua perkataan yang ditransliterasikan ditulis secara condong kecuali nama orang.

**PEMIKIRAN AKIDAH IBNU TAYMIYYAH DAN MUHAMMAD BIN ‘ABD
AL-WAHHĀB DALAM ISU MUJASSIMAH DAN TAKFIRI: SATU KAJIAN
PERBANDINGAN**

ABSTRAK

Ibnu Taymiyyah dan Muhamad bin ‘Abd al-Wahhāb adalah dua tokoh ilmuwan Islam yang menjadi kontroversi lantaran pemikiran dan pendekatan dakwah mereka telah mencetuskan pelbagai polemik di kalangan masyarakat. Kemunculan mereka menimbulkan reaksi yang berbeza antara penyokong dan pengkritik. Beberapa isu yang dikaitkan dengan mereka telah menimbulkan ketegangan di kalangan orang Islam. Kajian yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk menganalisis perbandingan bagi melihat titik persamaan dan perbezaan antara kedua-dua tokoh pemikir ini khususnya dari sudut metodologi akidah dan perbahasan tauhid yang melibatkan isu *mujassimah* dan *takfīrī*. Benarkah dakwaan tentang rujukan utama Muhamad bin ‘Abd al-Wahhāb adalah Ibnu Taymiyyah dan terpengaruh dengan gaya pemikirannya? Begitu juga tentang isu *mujassimah* dan *takfīrī*, adakah benar dakwaan ini dikaitkan dengan kedua-dua mereka dan bagaimana kebenarannya? Bagaimana pula pendekatan yang digunakan dalam teks-teks tulisan mereka yang mungkin diselewengkan atau disalah tafsirkan sehingga menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat awam? Penyelidikan ini menggunakan kaedah analisis kandungan atau isi (*Content Analysis*) dan analisis perbandingan (*Comprative Analysis*). Kajian ini juga boleh diklasifikasikan sebagai penyelidikan asas bersifat penerokaan (*Exploration*) yang bertujuan untuk menjelaskan dan meningkatkan pengetahuan secara mendalam tentang sesuatu permasalahan yang dikaji. Hasil kajian ini mendapati wujud perbezaan yang ketara antara fahaman pemikiran Ibnu Taymiyyah dan Muhamad bin ‘Abd al-Wahhāb

dengan jumhur ulama Salaf dan Khalaf dalam isu *mujassimah*. Namun pendirian mereka yang berbeza itu menimbulkan kekeliruan di kalangan umum yang tidak meneliti secara tuntas terhadap tafsiran yang mereka lakukan. Lantaran sikap itu, telah menjadi punca berlakunya tuduhan *mujassimah* terhadap mereka. Manakala dalam isu *takfīrī*, Ibnu Taymiyyah didapati lebih bersikap terbuka dengan tidak mudah mengkafirkkan individu dan kumpulan tertentu. Sebaliknya Muhammad bin ‘Abd al-Wahhāb pula dilihat menjadi pencetus idea *takfīrī* yang menjadi ikutan golongan ekstrem beragama lantaran sikap dan pendekatan tafsiran dalam isu agama yang dibawanya.

**AQIDAH THOUGHTS OF IBNU TAYMIYYAH AND MUHAMMAD BIN
‘ABD AL-WAHHĀB ON THE ISSUES OF MUJASSIMAH AND TAKFIRI:
COMPARATIVE STUDY**

ABSTRACT

Ibn Taymiyyah and Muhamad bin ‘Abd al-Wahhāb were two Islamic scholars who became controversial because their thought and approach to *da’wah* had sparked polemics among the public. Their emergence raises different reactions between supporters and critics. Some of the issues associated with them was causing tensions to among Muslims. This research aims to analyse the viewpoint of comparison for the similarities and differences between the two thinkers, especially from the point of the methodology of *aqeeda* and the debate on *tauhid* involving the issue of *mujassimah* and *takfirī*. Is it true indictment of the main references to Muhamad bin ‘Abd al-Wahhāb is Ibn Taymiyyah and influenced by his style of thinking? Similarly, on the issue of *mujassimah* and *takfirī*, is it true these claims are associated with both of them and what the truth? What about the approach used in the texts of their articles, may be distorted or misinterpreted thus causing confusion among the public? This research uses Content Analysis and Comparative Analysis. This study can also be classified as basic research is the exploration that aims to clarify and improve its in-depth knowledge of the problem being studied. The results of this study found that there was a significant difference between Ibn Taymiyyah and Muhamad’s ideology with the *jumhur* of Salaf and Khalaf in the issue of *mujassimah*. However different their stance caused confusion among the public who did not examine thoroughly the interpretation they do. Because of this attitude has been the cause of the accusation against them *Mujassimah*. While in

the issue of *takfīrī*, Ibn Taymiyyah was found to be more open-minded with no easy interpretation (kafir) of certain individuals and groups. Instead Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb is seen as the trigger of *takfīrī*'s idea which became a part of the extremist religion because of the attitude and approach of interpretation in the religious issues he's brings.

BAB 1

Pendahuluan

1.1 Pengenalan

Pemikiran dan modenisasi Islam merupakan fenomena sejarah yang menumbuhkan kembali semangat iman, menghidupkan aktiviti pemikiran serta gerakan dalam bentuk fizikal dan maknawi. Pemikiran bukan bertujuan untuk meruntuhkan bangunan lama lalu membina bangunan baru menurut model terbaru pada tapak lama, tetapi yang dikatakan pembaharuan ialah mengekalkan bangunan lama dengan memantapkan bentuknya yang asal dengan segala persekitarannya. Usaha-usaha tersebut dinamakan pembaharuan yang hakiki dan menjadi tuntutan agama.

Pembaharuan adalah sesuatu keperluan bagi umat untuk memurnikan semula kefahaman dan amalan Islam sebaik sahaja dinodai oleh unsur-unsur jahiliyah.¹ Pembaharuan membawa pelbagai ujian kepada umat Islam sehingga mendorong mereka mencari sebab-sebab kejatuhan dan kehinaan yang menimpa. Bertitik tolak daripada kesedaran ini, mereka menemukan kesedaran baru, iaitu; menghidupkan iman, mengaktifkan pemikiran dan memperhebatkan gerakan Islam.

Sheikh Taqīy al-Dīn Abū al-‘Abbās Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm Bin ‘Abd al-Salām yang dikenali dengan gelaran Ibnu Taymiyyah (661-728H / 1263-1328M) dan Sheikh Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb bin Sulaiman bin ‘Ali (1115-1206H / 1703-1792M) merupakan dua orang tokoh besar antara ribuan ulama' yang telah memberi sumbangan dan membawa perubahan serta pembaharuan dalam dunia Islam. Kedua-dua tokoh ini mempunyai persamaan khususnya dalam usaha mereka memurnikan

¹ Abū al-A‘lā al-Maūdūdī, *Mu‘jam Tārīkh Tajdīd al-Dīn Wa Iḥyā ‘ihī* (Lebanon: Dār al-Fikr al-Ḥadīth, 1968).

akidah umat yang dianggap telah menyimpang daripada landasan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* walaupun jarak zaman mereka berbeza masa hampir empat kurun. Nama Ibnu Taymiyyah harum dengan karya-karya yang sarat dengan hujah dan dalil bagi meyakinkan pembaca tentang idea-idea yang dibawanya. Hujah dan dalil itu dilimpahkan untuk membantalkan dakwaan dan tanggapan pelbagai aliran pemikiran dalam pelbagai bidang ilmuwan khususnya falsafah dan akidah.

Pendekatan pemikiran Ibnu Taymiyyah ini kemudiannya didukung pula oleh Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb pada abad ke dua belas sehingga ajaran ini tersebar sehingga ke hari ini. Menurut Abū Zuhrah², Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb telah mempelajari tulisan-tulisan Ibnu Taymiyyah dan mendalami pemikirannya. Oleh kerana persekitaran pergolakan politik dan sosial yang tidak stabil serta tahap buta huruf yang tinggi, menyebabkan banyak berlaku perkara-perkara mungkar dan bid‘ah. Keadaan itu menimbulkan rasa tanggungjawab pada diri Muḥammad untuk bangkit menentang pelbagai penyelewengan yang berlaku pada waktu itu.

Ibnu Taymiyyah dan Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb juga dianggap sebagai penerus kepada faham Salafiyyah³, malah melalui pendekatan mereka ini muncul pula golongan yang menggelar diri mereka sebagai “gerakan Salafiyyah” yang tersebar

² Muḥammad Abū Zuhrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah* (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabi, 1996).

³ Faham Salafiyyah mula dikenali dan muncul beberapa abad setelah Rasulullah SAW wafat, secara tepatnya pada awal abad ke 3H. Faham Salafiyyah muncul sebagai tindak balas terhadap pentakwilan yang dilakukan oleh golongan Muktazilah terhadap ayat-ayat *mutashābihāt*, dengan alasan para salaf tidak pernah melakukan takwil terhadap ayat-ayat *mutashābihāt*. Tokoh-tokoh yang dapat dikategorikan sebagai Salafiyyah adalah: ‘Abd Allāh bin ‘Abbās (w68H), ‘Abd Allāh bin ‘Umar (w74H), ‘Umar bin ‘Abd al-Aziz (w101H), Hasan al-Baṣhrī (w105H), al-Zuhrī (w124H), Ja’far al-Šhādiq (w148H), dan para Imām mazhab yang empat, yakni: Abū Ḥanīfah (w150H), Mālik bin Anas (w179H), al-Shāfi‘ī (w204H), dan Ahmad bin Ḥanbal (w241H). Para tokoh ini digelar sebagai Salafiyyīn al-awwalīn. [Abdul Aziz Dahlan, *Teologi Filsafat Tasawuf dalam Islam*, (Jakarta: Ushul Press, 2012)].

sehingga ke hari ini. Gerakan ini menjadikan pemikiran kedua-dua tokoh ini sebagai rujukan dan ikutan dalam pendekatan mereka. Kemunculan dua tokoh ini telah melahirkan fenomena perkembangan pemikiran yang hebat dalam bidang keilmuan dan juga budaya pemikiran serta tindakan dalam masyarakat Islam.

Matlamat perjuangan mereka adalah untuk mengembalikan masyarakat dan dunia Islam kepada tafsiran asal yang bersumberkan teks al-Quran dan *al-Hadīth* serta amalan generasi awal Islam (Salaf). Namun begitu, pengaruh pemikiran, sikap dan seruan dakwah mereka telah melahirkan konflik intelektual dengan kebanyakan ulama' sezaman dan selepas mereka. Konflik intelektual tersebut merujuk kepada perdebatan ilmiah sama ada secara lisan atau tulisan dalam proses mempertahankan pandangan masing-masing dan memperlihatkan kepincangan pandangan di pihak yang lain. Wujud dakwaan di kalangan para pengkritik yang dikaitkan dengan Ibnu Taymiyyah dan Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb pada isu meletakkan hukum kafir kepada mereka yang tidak merestui pandangan dan perjuangan mereka khususnya daripada golongan Syi‘ah, Sufi dan golongan yang bermazhab al-Ashā’irah di kalangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*.⁴

Bahkan terdapat sebilangan umat Islam iaitu di kalangan para pengikut mereka, menganggap bahawa kehebatan dua tokoh ini melebihi tokoh-tokoh ulama' Fiqh seperti Imām Al-Shāfi‘ī, Imām Mālik, Imām Aḥmad, Imām Abū Ḥanīfah dan lain-lain. Sebahagiannya pula iaitu di kalangan para pengkritik, menganggap kedua-dua tokoh ini sebagai tokoh yang tidak mencapai tahap *mujtahid*, bahkan ada juga yang menganggap mereka sebagai golongan sesat dan terkeluar daripada agama.⁵

⁴ Abdul Rahman Mahmood (Dr) and Engku Wok Zin Engku Ibrahim, “Pemikiran Imam Ibn Taymiyyah Dan Muhammad Abdul Wahab: Satu Analisis Perbandingan,” dalam *Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan kali kedua* (Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010).

⁵ Abū Zuhrah Muḥammad, *Ibn Taymiyyah* (Kaherah: Dār al-Fikr al-Arabi, t.t).

1.2 Penyataan Masalah

Ekoran daripada perselisihan terhadap dua tokoh ini yang melibatkan isu akidah dan *takfīrī*, masyarakat Islam juga berselisih pendapat mengenai aliran pemikiran dan kedudukan gerakan Salafiyyah⁶ atau Wahabiyyah yang dikaitkan dengan mereka. Ada golongan yang menerima gerakan ini secara keseluruhannya sebagai satu akidah ulama' Salaf⁷ yang wajib diikuti oleh seluruh umat Islam sehingga aliran lain dianggap salah dan tidak dibenarkan untuk disebarluaskan kepada umat Islam. Sementara sebilangan umat Islam yang lain menganggap gerakan Salafiyyah ini sebagai satu aliran bid'ah yang sesat dan perlu dijauhi.

Pendekatan berbentuk kepercayaan (ideologi) seperti ini dilihat boleh menyebabkan perbahasan menjadi lebih tegang sehingga membawa pertelingkahan yang lebih besar apabila asas kepercayaan digunakan dalam menilai sesuatu perkara sehingga membawa kepada pembunuhan, peperangan dan sebagainya sesama umat Islam. Ironinya sehingga sekarang masih tiada lagi titik pertemuan terbaik antara kedua-dua kumpulan yang berbalah dalam isu ini.

⁶ **Gerakan Salafiyyah** adalah merujuk kepada aliran yang bercirikan semangat puritanisme yang memberi penekanan kepada ajaran Islam yang asli dan murni serta berpegang kepada prinsip-prinsip *islah* dan *tajdid*. Dalam penulisan ini Salafiyyah merujuk kepada aliran reformisme Islam yang berusaha membawa pembaharuan dalam kehidupan beragama masyarakat Melayu. Ini termasuklah mereka yang dikenali dengan pelbagai nama seperti Kaum Muda, golongan Sunnah, Wahhabi, Salafi-Wahabi dan pendukung-pendukung gerakan Islah yang terdiri dari pelbagai golongan inteligensia dan akademia, aktivis dakwah pro-Ikhwan, atau yang seumpama dengannya. Aliran ini didukung sama ada oleh suatu organisasi tertentu dan bergerak secara terancang dalam pelbagai program yang tersusun, atau didukung oleh individu-individu yang menyalurkan idea-idea reformisme mereka melalui literatur akademik atau melalui platform kuliah-kuliah agama. [Lihat: *al-Mawsū'ah al-Muyassarah fī al-Adyān wa al-Madhāhib al-Mu'āṣirah* (Riyadh: Al-Nadwah al-'Ālamiyah lī al-Shabab al-Islāmī 1972), hlm. 273-278; Emad al-Dīn Shahin, "Salafiyyah" dlm. John L. Esposito (ed.), *The Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World*. (Oxford: Oxford University Press, 1995) Hlm. 463.]

⁷ **Salaf** merupakan salah satu istilah yang merujuk kepada *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Maksud Salaf di sini ialah para sahabat, *tabi'in*, *atba' al-tabi'in* dan para imam yang adil seperti Imam *Mujtahidin* yang tidak dituduh melakukan bid'ah dan diberi gelaran yang tidak baik seperti Khawārij, Rafidah, Muktazilah, Jabariah dan kesemua golongan yang menyimpang daripada landasan yang benar. [Lihat: 'Abd al-Qāhir al-Baghdādī, *al-Farq Bayn al-Firaq*. (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 2001) Hlm. 318-320].

Ibnu Taymiyyah telah membawa suatu pemikiran yang kerap dan masih dikaji sehingga sekarang oleh sarjana moden sama ada dalam kalangan Orientalis maupun Islam. Riwayat hidup beliau telah dicatat oleh ramai penulis di dalam pelbagai bahasa, sama ada buku sejarah atau buku tentang mazhab Ḥanbalī ataupun buku-buku yang khusus membicarakan tentangnya. Ramai yang memuji ketokohan beliau sama ada ulama' sezaman dengannya atau selepasnya, antara mereka ialah Sheikh al-Karāmy al-Ḥanbalī dalam kitabnya “*Al-Kawākib Al-Darāry*” yang disusun mengenai *manāqib* (pujian terhadap jasa-jasa) Ibnu Taymiyyah. Beliau menukilkan; “*Ramai sekali imam-imam Islam yang memberi pujian kepada Ibnu Taymiyyah. Di antaranya; al-Ḥāfiẓ al-Mizzī, Ibnu Daqīq al-Ied, Abū Hayyān al-Nahwī, al-Ḥāfiẓ Ibnu Sayyid Al-Nas, al-Ḥāfiẓ al-Zamlakānī, al-Ḥāfiẓ al-Dhahabī dan para imam ulama' lain.*”⁸

Imām Al-Ḏahabī (w748H) telah berkata: “*Dia (Ibnu Taymiyyah) adalah lambang kecerdasan dan kecepatan memahami, paling hebat pemahamannya terhadap al-Kitāb dan al-Sunnah dan perbezaan pendapat dan lautan dalil naqlī. Pada zamannya, beliau adalah satu-satunya baik dalam hal ilmu, zuhud, keberanian, kemurahan, amar makruf, nahi mungkar dan banyaknya buku-buku yang disusun dan amat menguasai hadis.*”⁹ Imām Al-Ḏahabī juga telah menjelaskan; “*Saya tidak pernah mengiktikadkan beliau seorang yang maksum, bahkan saya sendiri menyelisihi beliau dalam beberapa masalah asas dan cabang. Namun beliau tetap merupakan lautan yang tidak bertepi dan khazanah yang tidak ada tolok bandingnya. Namun setiap orang boleh diambil dan ditinggalkan sahaja kata-katanya kecuali Rasulullah SAW.*”¹⁰

⁸ Mahmūd Mahdī al-Istanbuly, *Ibnu Taymiyyah, Bathal al-Islah al-Diny* (Dimasyq: Maktabah Dār-Al-Ma'rifah, t.t).

⁹ Ibid.

¹⁰ Ibnu Ḥajar Al-‘Asqalānī, *Al-Durār al-Kāminah Fī ‘Ayān al-Miaah al-Sāminah* (Kaherah: Dār Al-Jiel, 1993).

Bahkan tidak kurang juga golongan yang mengkritik usaha-usaha yang dilakukan oleh Ibnu Taymiyyah khususnya di kalangan golongan terkemudian. Golongan yang agak menonjol melontarkan pelbagai kritikan yang ditujukan kepada Ibnu Taymiyyah datang daripada satu kumpulan yang dikenali sebagai kumpulan Ahbash yang mula tersebar di Lubnan sekitar tahun 1950an. Sheikh ‘Abd Allāh al-Habasyī al-Hararī (1910-2008M) merupakan pengasas kepada kumpulan ini telah menghasilkan satu karya yang berjudul: “*Al-Maqālāt al-Sānīyyah Fī Kashf Dolālāt Ibn Taymiyyah*” (Maqalah Yang Jelas Bagi Menjelaskan Tentang Kesesatan Ibnu Taymiyyah), kemudian diikuti selepas itu dengan buku yang dihasilkan oleh anak muridnya yang menyesatkan Ibnu Taymiyyah sehingga sanggup melabelkan Ibnu Taymiyyah sebagai salah seorang pengganas pada zamannya.¹¹

Kandungan buku tersebut menggambarkan Ibnu Taymiyyah bukan lagi seorang tokoh besar umat Islam bahkan penjenayah besar terhadap syariat Islam. Buku itu mengandungi pelbagai tuduhan yang mengelirukan dan dicedok secara tidak amanah daripada ulama’ terdahulu. Antara isu yang dibangkitkan ialah isu Allah SWT meletakkan Nabi Muhammad SAW di sisi-Nya di ‘Arash yang didakwa dipetik daripada buku; “*Bayān Talbīs Al-Jahmīyyah Fī Ta’sis Bidaihim Al-Kalāmiyah*” dan sekali gus mendakwa bahawa Allah SWT berjisim.¹² Oleh itu Ibnu Taymiyyah dituduh telah menjisimkan Allah SWT, malah inilah antara isu utama yang dikaitkan dengan Ibnu Taymiyyah selain dakwaan tentang sikapnya yang keras dalam isu *takfir* dalam bab akidah. Dakwaan-dakwaan ini telah diperbesarkan serta mengheret golongan awam berada dalam kekeliruan antara kebenaran dan kebatilan.

¹¹ Maḥmūd Mahdī al-Istanbuly. *Ibnu Taymiyyah, Bathal al-Islah al-Diny*.

¹² Ibid.

Kemunculan Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb juga menimbulkan reaksi berbeza antara penyokong dan pengkritik. Di pihak yang menyokong, Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb dikenalpasti sebagai seorang tokoh *mujaddid* yang berusaha membersihkan pemikiran dan amalan umat Islam daripada elemen-elemen syirik, bid‘ah dan khurafat yang membengkak negeri-negeri umat Islam pada waktu itu. Beliau dilihat sebagai satu-satunya tokoh yang berusaha menyedarkan semula umat Islam daripada terus hanyut dalam kesesatan yang menjadi faktor utama kelemahan dan kemunduran. Atas rasa tanggungjawab, seluruh hidupnya digunakan untuk mengajak umat Islam kembali semula bertuankan generasi Salaf dalam urusan agama dan kehidupan. Tujuannya agar segala bentuk pemikiran dan amalan umat Islam kembali bersih daripada sebarang anasir-anasir asing yang menyimpang daripada ajaran Islam yang tulen.

Manakala di pihak pengkritik pula, kemunculannya dilihat telah membawa satu implikasi negatif kepada umat Islam. Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb dilihat sebagai seorang tokoh pelampau yang cuba menghidupkan pemikiran *hashawiyah*¹³ dalam perkara ketuhanan dan pemikiran *khawārij*¹⁴ dalam isu *takfīr* yang pernah ditentang

¹³ Istilah **al-Hashawiyah** adalah berasal dari kata dasar *al-Hashw* iaitu penyisipan, pemasangan dan pemasukan. Nama ini diberikan kepada orang-orang yang menerima dan mempercayai semua hadis yang dibawa masuk ke dalam Islam oleh orang-orang munafik. Mereka mempercayai semua hadis yang dikaitkan kepada Nabi SAW dan para sahabat berdasarkan pengertian dari segi bahasa semata tanpa penilaian semula. Al-Shahrastānī (467-548H/1074-1153M) menuliskan bahawa: “Terdapat sebuah kumpulan *Ashab al-Hadīth*, iaitu *al-Hashawiyah* dengan jelas mengisyitarkan kepercayaan mereka tentang *tashbih* (iaitu Allah SWT seumpama makhluk-Nya)... sehingga mereka sanggup mengatakan bahawa pada suatu ketika, kedua-dua mata Allah kesedihan, lalu para malaikat datang menemui-Nya dan Dia (Allah) menangisi (kesedihan) dengan banjir Nabi Nuh ('a.s) sehingga mata-Nya menjadi merah, dan ‘Arash meratap hiba seperti suara pelana baru dan Dia melampaui ‘Arash dalam keadaan melebihi empat jari di setiap penjuru.” [Al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Nihāl*, hlm. 141]

¹⁴ **Khawārij** (bahasa Arab *Khawārij* خوارج), secara harfiah bermaksud “mereka yang keluar”. Khawārij adalah kelompok Muslim yang pada mulanya menyokong ‘Ali Ibnu Abī Ṭalib tetapi kemudian menolak kepimpinan ‘Ali Ibnu Abī Ṭalib [r.a.] kerana kekecewaan mereka terhadap sikapnya yang telah menerima tawaran *tahkim* dari kelompok Mu’awiyyah yang diterajui oleh ‘Amr Ibnu ‘Ash dalam Perang *Shiffīn* (37H/657). Golongan ini mula terbentuk pada akhir abad ketujuh Masih di selatan Iraq. Mereka berbeza daripada golongan Sunni dan Syi‘ah. Golongan Khawārij memiliki pemikiran dan sikap yang ekstrem, keras, radikal dan cenderung kepada kekejaman. Para ulama’ Khalaf ataupun Sunni melabelkan kumpulan pengganas yang membunuh orang yang tidak berdosa

oleh majoriti ulama' Islam sebelumnya. Beliau diketengahkan sebagai seorang tokoh yang fanatik dengan pandangan sendiri sehinggakan pandangan ulama' yang tidak selari dengannya dikatakan sesat dan bercanggah dengan nas al-Quran dan *al-Sunnah*.¹⁵

Muhammad bin 'Abd al-Wahhāb dituduh menjisimkan Allah SWT berkaitan pendirian dan pendekatannya dalam menghuraikan persoalan al-Asma' dan al-Sifat bagi Allah SWT. Beliau menyifatkan "Allah SWT dengan apa yang Dia sifatkan dirinya serta apa yang disifatkan oleh Rasulullah SAW terhadap diri-Nya iaitu tanpa *tahrif*, *ta'tīl*, *takyīf* mahupun *tamtīl*".

Di kalangan para ulama' yang mempertikaikan cara pentafsiran Muhammad bin 'Abd al-Wahhāb dalam bab al-Sifat, ialah seperti Sheikh 'Alawī al-Haddad¹⁶, Sheikh

sebagai golongan "Khawārij baru" kerana golongan pengganas seperti ini menghalalkan darah orang kafir dan orang Islam yang mereka hukum kafir melalui *takfīr*. Abu Ḥassan al-Asha'arī menjelaskan bahawa gelaran Khawārij dinisbahkan kepada mereka yang keluar dari barisan khalifah keempat, 'Ali Ibnu Abī Ṭalib. Gelaran tersebut diberikan kerana mereka keluar daripada pemerintahan 'Ali. [Abū Hasan al-Asha'arī, *Maqālat al-Islāmiyin wa al-Akhta'* al Muṣalliin, Juz. 1 (Bairut: Maktabah al-Ashriyah, 1990), Hlm. 207.]

¹⁵ Zamihan Mat Zin Al-Ghari, *Siapa Sebenarnya Wahhabi?* (Puchong: Kemah Enterprise, 2011).

¹⁶ Beliau adalah Abdullah bin 'Alwi bin Muhammad bin Aḥmad bin Abdullah bin Muhammad bin 'Alwi bin Aḥmad bin Abu Bakar bin Aḥmad bin Muhammad bin Abdullah bin Aḥmad Al-Faqih bin Abdurrahman bin 'Alwi bin Muhammad, bin Ali bin 'Alwi bin Muhammad bin 'Alwi bin Ubaidillah bin Aḥmad bin Isa bin Muhammad bin 'Alwi bin Ja'afar Al-Shadiq bin Muhammad Al-Baqir bin 'Alī Zainul Abidin bin Hussein bin 'Alī bin Abī Ṭalib dan juga putera Fatimah binti Rasulullah Muhammad SAW. Dilahirkan pada hari Isnin 5 Safar 1044H di Subair (sebuah perkampungan di pinggir bandar Tarim – Hadramaut). Di masa kecilnya beliau dijangkiti penyakit campak, disebabkan penyakit tersebut beliau telah menjadi buta. Namun Allah SWT telah menggantikan untuknya Cahaya pada hatinya untuk melihat, serta kebersihan jiwanya. Murid-murid utama Imam al-Haddad adalah terdiri dari ahli keluarganya sendiri, terutama anak-anak beliau. Adapun dari selain ahli keluarga beliau mereka adalah: Habib Ahmad bin Zain al-Habshi, Habib Muhammad bin Zain bin Semait, Habib Omar bin Zain bin Semait, Habib Omar bin Abdurrahman al-Baar, Habib Abdurrahman bin Andullah Ba al-Faqih, Habib Muhammad bin Omar bin Taha al-Seggaf dan lain-lain lagi. Keistimewaan karya-karya Imam al-Haddad adalah mudah difahami oleh semua kalangan, mengikut kefahaman masing-masing. Sehingga buku-buku beliau telah dicetak beberapa kali dan sudah diterjemahkan kepada beberapa bahasa. Di antara karangan beliau yang masyhur di Malaysia ialah kitab "*Al-Naṣāḥah al-Diniyyah wa al-Waṣāyah al-Imāniyyah*" yang diterjemahkan dengan tajuk: "Nasihat Agama Dan Wasiat-Wasiat Keimanan". [Lihat: <https://darulmurtadza.com/imam-abdullah-bin-alwi-al-haddad/>, telah dilawati 26 Disember 2019]

Abū al-Fidā' Ismail al-Tamimī¹⁷, Sheikh Ahmad bin Zaīnī Dahlan¹⁸, Sheikh Ahmad Mukhtar Basha al-Muāyyad¹⁹ dan lain-lain. Al-Iskandaranī menyebutkan; “*Di antara pegangan golongan Wahabi dari sudut akidah ialah menetapkan tangan, wajah serta arah bagi Allah SWT. Selain itu mereka juga menetapkan jisim yang berupaya untuk naik serta turun.*”²⁰

Oleh yang demikian Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb juga didakwa telah menjisimkan Allah SWT dalam mentafsirkan isu tauhid dan akidah. Isu-isu ini juga menjadi polemik antara pengikut Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb serta para pengkritik

¹⁷ Beliau ialah Sheikh Abū al-Fidā' Ismā‘il al-Tamimī al-Malikī al-Tunisī, ulama besar Tunis (w. 1248 H). Beliau menulis beberapa buah buku membantah Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb, di antaranya adalah kitab “*al-Radd ‘ala Ibni ‘Abd al-Wahhāb*” (buku ini telah dicetak di Tunisia) dan kitab “*al-Minah al-Ilahiyyah fi Thams al-Ḍalālah al-Wahhābiyah*”. Buku kedua ini berupa manuskrip tersimpan di Dār al-Kutub al-Wathaniyah Tunis dengan nombor rujukan 2785. Salinan naskahnya tersimpan di Institut Manuskrip Arab, Cairo, Mesir dan telah dicetak. [Lihat: <https://fitrahislami.wordpress.com/2016/11/29/nama-ulama-ulama-yang-menolak-ibnu-taimiyah/>; telah dilawati pada 26 Disember 2019]

¹⁸ Sheikhul Islam Sayyid Ahmad Zaini Dahlan al-Hasani dilahirkan di Makkah pada tahun 1232 H atau bertepatan dengan tahun 1816 M. Beliau masyur di kalangan penuntut ilmu di pondok atau pesantren. Nama beliau amat dikenali disebabkan sebahagian besar daripada sanad keilmuan para ulama Nusantara (Malaysia, Indonesia dan Faṣoni) bersambung kepada ulama besar ini. Di kalangan para ulama pula beliau sangat terkenal sebagai ulama seorang pembela *Ahlu Sunnah wal Jamā‘ah* dalam pertembungan dengan Wahabi. Menurut riwayat, setelah selesai Sayyid Ahmad Zaini Dahlan menimba ilmu di kota kelahirannya, beliau telah dilantik menjadi mufti Mazhab Shāfi‘ī, merangkap Sheikh al-Haram iaitu “pangkat” ulama tertinggi yang mengajar di Masjid al-Haram yang diangkat oleh Sheikh al-Islam yang berpusat di Istanbul, Turki. Beliau sangat masyur, dan daripada kemasyhuran inilah maka beliau diberi pelbagai gelaran dan julukan antaranya; *al-Imām al-‘Ajal* (Imam pada waktunya), *Bahr al-Akmāl* (Lautan Kesempurnaan), *Farid al-‘Ashrihi wa Āwānihi* (Ketunggalan masa dan waktunya), *Sheikhul-Ilm wa Ḥāmilū liwāhi* (Sheikh Ilmu dan Pembawa benderanya) *Hafiz al-Hadith al-Nabi - Ṣallallahu ‘Alaihi wa Sallam - wa Kawākibu Sama‘ihī* (Penghafal Hadits Nabi Ṣallallahu ‘Alaihi wa Sallam dan Bintang-bintang langitnya), *Ka‘ba al-Murīdin wa Murabbi al-Sālikīn* (Tumpuan para murid dan Pendidik para salik). Murid beliau Sayyidi Abu Bakar Shaṭo al-Dimyaṭ dalam “*Nafahāt al-Rahmān*” antara lain telah menulis: “Sayyid Ahmad bin Zaini Dahlan [r.a.] telah menghafal al-Quran dengan baik dan menguasai 7 bentuk bacaan Quran (7 qiraah). Beliau juga menghafal kitab “*al-Shātibiyah*” dan “*al-Jazariyyah*”, dua kitab yang sangat bermanfaat bagi pelajar yang hendak mempelajari qiraah 7. Kerana cinta dan keprihatinannya kepada al-Quran, beliau memerintahkan sejumlah qari untuk mengajar ilmu ini, beliau khawatir ilmu ini akan hilang jika tidak diajar terus.” [Lihat: <http://pena-mylife.blogspot.com/2012/04/biografi-syeikh-ahmad-zaini-dahlan.html>; dilawati pada 26 Disember 2019]

¹⁹ Beliau Ahmad Mukhtar Basha al-Muāyyad al-‘Azamī (W 1340H) telah menulis dalam kitab; “*Jala’ al-Awham ‘An Madhāhib al-‘Aimma al-‘Izham Wa al-Tawassul Bi Jahi Khair al-Anam ‘Alaihi al-Ṣalāt Wa al-Salām*” sebagai bantahan beliau terhadap buku Ibnu Taymiyyah; “*Raf’ al-Malām*”.

²⁰ Ibid. Hlm. 38

mereka dan ia berlarutan sehingga menyebabkan berlakunya perpecahan umat serta membawa kepada isu yang lebih besar iaitu isu *takfīrī*.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, satu kajian khusus perlu dilaksanakan dan amat menarik untuk diteliti dan diselidiki bagi mengkaji serta menganalisis perbandingan bagi melihat titik persamaan dan perbezaan antara kedua-dua tokoh pemikir ini, khususnya dari sudut manhaj akidah dan perbahasan tauhid. Benarkah dakwaan tentang rujukan utama Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb adalah Ibnu Taymiyyah dan terpengaruh dengan gaya pemikirannya? Begitu juga tentang isu *mujassimah* dan kaitannya dengan isu *takfīrī*, adakah benar dakwaan ini dikaitkan dengan kedua-dua mereka dan bagaimana kebenarannya? Bagaimana pula pendekatan yang digunakan dalam teks-teks tulisan mereka yang mungkin diselewengkan atau disalah tafsirkan sehingga menimbul kekeliruan di kalangan masyarakat awam? Persoalan-persoalan ini amat menarik untuk dibongkar dan dikaji semula sesuai dengan fenomena kecelaruan dan kecamukan pemikiran yang melanda umat Islam ketika ini khususnya yang dikaitkan dengan kedua-dua tokoh ini dalam konteks Malaysia dan dunia Islam amnya.

1.3 Objektif Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengetahui pemikiran akidah dua orang tokoh pemikir Islam iaitu Ibnu Taymiyyah dan Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb serta hubungan mereka dalam isu-isu akidah khususnya dalam isu *mujassimah* dan *takfīrī*. Bagi mencapai matlamat tersebut, kajian ini akan dijalankan berdasarkan objektif berikut;

- a) Meneliti pandangan ulama’ Salaf dan Khalaf dalam isu *mujassimah* dan *takfīrī* serta punca persoalan munculnya isu ini.

- b) Menganalisis manhaj pemikiran Ibnu Taymiyyah dan Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb serta pendekatan mereka dalam isu akidah.
- c) Membuat perbandingan pemikiran akidah kedua-dua tokoh bagi menilai pandangan mereka terhadap isu-isu *mujassimah* dan *takfīrī*.
- d) Meneliti bagaimana isu *mujassimah* dan *takfīrī* ini dikaitkan dengan mereka yang berkemungkinan diselewengkan atau disalah tafsirkan.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif tersebut, terdapat empat persoalan kajian yang cuba untuk dijawab di dalam kajian ini, perinciannya adalah seperti berikut;

1. Bagaimana pandangan ulama' Salaf dan Khalaf dalam isu *mujassimah* dan *takfīrī* serta punca persoalan munculnya isu ini?
2. Bagaimanakah manhaj pemikiran Ibnu Taymiyyah dan Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb serta pendekatan mereka dalam isu akidah?
3. Apakah sudut perbezaan pemikiran akidah kedua-dua tokoh ini dan bagaimanakah pandangan mereka dalam isu *mujassimah* dan *takfīrī*?
4. Bagaimanakah munculnya dakwaan isu *mujassimah* dan *takfīrī* ini yang dikaitkan dengan mereka, adakah ia diselewengkan atau disalah tafsirkan?

1.5 Skop dan Batasan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah, matlamat dan objektif kajian, tumpuan kajian ini adalah untuk mengkaji dan menganalisis perbandingan bagi melihat titik persamaan dan perbezaan metodologi akidah dan perbahasan tauhid antara Ibnu Taymiyyah dan Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb. Tujuan utama kajian ini memilih dua orang tokoh pemikir yang tersohor dalam dunia keilmuan Islam adalah disebabkan pendekatan

pemikiran mereka terkait dalam kontroversi antara golongan pro dan kontra khususnya dalam isu *mujassimah* dan *takfīrī*.

Justeru, pengkaji akan memfokuskan skop kajian kepada permasalahan akidah dan tauhid dalam isu *mujassimah* dan *takfīrī* serta kaitannya sahaja. Dua isu ini amat penting untuk di buat penilaian dan kajian kerana ia menjadi asas kepada tercetusnya isu-isu lain dalam agama yang menjadi polemik di kalangan para ilmuwan. Suasana ini menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat awam di Malaysia khususnya sehingga mungkin menimbulkan fitnah terhadap kedua-dua orang tokoh ini.

Sumber kajian ini pula melibatkan teks-teks penulisan dan fatwa dalam kitab-kitab masyhur karangan mereka yang berkaitan isu akidah dan tauhid, melibatkan perbahasan isu-isu *mujassimah* dan *takfīrī*, serta kaitannya sahaja sebagai batasan sumber pada kajian ini. Antara karya-karya utama yang menjadi rujukan pengkaji ialah;

- a) Karya-karya Ibnu Taymiyyah;
 - i. *Majmū' al-Fatāwa Ibnu Taymiyyah,*
 - ii. *Al-'Aqidah al-Wāṣatiyyah: I'tiqād al-Farq al-Nājiyah al-Mansūrah Ila Qiyām al-Sā'ah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah,*
 - iii. *Darāu Ta'ārud al-'Aql wa al-Naql, al-Iklīl fi al-Mutashābih wa al-Tā'wīl,*
 - iv. *Majmu'ah al-Rasā'il al-Kubra,*
 - v. *Bayān Talbīs al-Jahmīyyah fī Ta'sis Bid'ahum al-Kalamiyyah,*
 - vi. *Rif'u al-Malām 'an al-Aimmah al-I'alām,*
 - vii. *Al-Istiqa'mah.*
- b) Karya-karya Muḥammad bin 'Abd al-Wahhāb;
 - i. *Kitāb al-Tawhīd,*

- ii. *Kashf al-Shubuhāt*,
- iii. *Ūṣūl al-Imān*,
- iv. *Al-Rasā'il al-Shakhṣiyah*.

Begitu juga sumber-sumber kenyataan daripada para pengkritik terhadap kenyataan-kenyataan mereka, akan disaring dan diteliti bagi membuat perbandingan terhadap kecenderungan mereka dalam menilai isu-isu ketuhanan dan kenyataan hukum *takfīrī* yang diutarakan. Kajian analisis kandungan dan perbandingan ini juga akan meneliti secara umum kesan pendekatan pemikiran Ibnu Taymiyyah dan Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb terhadap golongan pengikut mereka dalam menafsirkan kenyataan-kenyataan tersebut, melalui tulisan-tulisan yang tersebar di kalangan masyarakat sehingga timbulnya polemik pemikiran *mujassimah* dan *takfīrī*.

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini amat berguna dalam bidang pengajian akidah khususnya bagi menilai perbandingan pemikiran Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb yang dikaitkan dengan Ibnu Taymiyyah. Memetik kata-kata Imām Al-Dhahabī; “*setiap orang boleh diambil dan ditinggalkan sahaja kata-katanya kecuali Rasulullah SAW*”,²¹ oleh itu kajian ini amat penting bagi menilai kebenaran serta meneliti pendekatan pemikiran Ibnu Taymiyyah dan Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb dalam usaha dan sumbangan mereka kepada dunia keilmuan Islam. Selain itu, hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak berkuasa agama untuk mengambil cadangan dan polisi yang sepatutnya dalam usaha mengekalkan keharmonian dan kesatuan umat Islam di Malaysia. Bagi ahli akademik dan penyelidik pula, hasil kajian ini juga diharap mampu memberikan

²¹ Ibnu Hajar Al-‘Asqalānī, *Al-Durār al-Kāminah Fī ‘Ayān al-Miaah al-Sāminah*.

maklumat yang berguna untuk penyelidikan lebih lanjut bagi meningkatkan kecekapan serta keberkesanan kesatuan dan keharmonian umat Islam di Malaysia.

1.7 Tinjauan Literatur

Terdapat pelbagai karya dan penulisan yang telah diterbitkan oleh pengkaji terdahulu berkaitan Ibnu Taymiyyah dan Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb antaranya;

1.7.1. Ibnu Taymiyyah

Mohd Farid Mohd Sharif (2017) dalam Jurnal yang berjudul; “*Perayaan Maulid Menurut Ibnu Taymiyyah Dalam Iqtidā’*”, beliau telah membincangkan pandangan Ibnu Taymiyyah tentang Maulid dalam Iqtidā’, sebuah karya yang menjadi polemik berhubung penyertaan orang Islam dalam perayaan-perayaan orang bukan Islam. Daripada satu sudut, Ibnu Taymiyyah berpendapat bahawa perayaan Maulid ialah amalan bid‘ah. Sambutan perayaan itu tidak diharuskan kerana golongan Salaf tidak menyambut perayaan itu dan tidak terdapat sumber textual yang mengharuskan amalan tersebut. Daripada sudut yang lain pula, Ibnu Taymiyyah juga menyebut tentang beberapa motif kebaikan di sebalik sambutan perayaan Maulid, namun telah disalahfaham oleh Ukeles melalui penelitiannya terhadap orang Islam dan keperluan-keperluan rohaniah mereka. Ibnu Taymiyyah tetap berpendapat bahawa orang yang menyambut perayaan Maulid tidak diberikan ganjaran kerana ia merupakan amalan bid‘ah dan status asal sambutan Maulid tidak berubah walaupun dikatakan terdapat tujuan yang murni di sebaliknya.

Amal Fathullah Zarkasyi (2014) telah menulis sebuah buku yang berjudul “*Akidah Tauhid Ibn Taymiyyah*”. Buku ini membincangkan tentang ikhtiar Sheikhul Islam Ibnu Taymiyyah dalam meletakkan manhaj (konsep) baharu akidah Islam yang

merupakan salah satu ikhtiar pembaharuan untuk memperkuatkan projek besar sistem pembangunan Islam; sebuah projek besar yang dibangunkan atas dasar prinsip-prinsip *tajdid* dan *ishlah* (reformasi) multi aspek. Dalam situasi pemikiran dunia Islam yang dikuasai oleh para Falasifah dan Mutakallimun dengan konsep tauhidnya yang lebih bersifat falsafah daripada pandangan, Ibn Taymiyyah bangkit dengan mengkritik konsep mereka dan menganjurkan konsep tauhid baru yang sememangnya berbeza daripada konsep mereka yang selalu berorientasikan kepada ajaran al-Quran dan *al-Hadith*.

Mohd Farid Mohd Sharif (2012) dalam bukunya yang berjudul; “*Ibnu Taymiyyah On Jihad And Baghy*” telah membentang penyelidikan ilmiah terhadap dua konsep yang sangat kontroversial dan tersebar luas di dunia kontemporari iaitu *jihād* dan *baghy* (pemberontakan). Beliau mendekati topik ini melalui perspektif salah seorang tokoh pemikiran Islam yang paling berpengaruh iaitu Ibn Taymiyyah. Ibn Taymiyyah, merupakan seorang guru dan juga pejuang agama yang berjihad dengan mengangkat senjata pada zamannya, perjuangannya turut memberi kesan dan pengaruh kepada pergerakan Islam sehingga ke hari ini. Beliau telah memperjelaskan idea-idea ahli politik zaman pertengahan ini di luar wacana polemik zaman ini, sambil memperhatikan tema-tema penting dalam pemikirannya yang mempunyai kepentingan khusus dalam keadaan pergolakan dunia yang tidak menentu. Dari awal, beliau telah membahas berkenaan tanggapan yang salah terhadap jihad samada dalam bentuk ketenteraan ataupun bukan tentera, sebaliknya menjelaskan tentang bagaimana ulama klasik, termasuk Ibn Taymiyyah melihat jihad sebagai gabungan kedua-duanya. Begitu juga, banyak yang sering disalah tafsir tentang apa yang dikatakan dan bagaimana kita harus memahami status kedudukan mereka yang telah melaksanakannya. Buku ini membantu memperjelaskan perkara-perkara penting ini dan menjadikannya sumbangan

penting kepada kesusasteraan sedia ada mengenai pemikiran Islam zaman pertengahan. Lebih-lebih lagi, memandangkan buku ini menempatkan Ibnu Taymiyyah dalam konteks sejarahnya dan membincangkan isu-isu penting dalam zaman semasa, hal ini bukan sahaja merupakan sumber penting untuk pengajian Islam tetapi juga untuk sosiologi dan antropologi pengetahuan.

Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid, Mat Zain Ab. Ghani dan Hasan Jali (2010) dalam buku yang berjudul “*Biografi Tokoh Dakwah: Ibnu Taimiyah - Perjuangan Dan Pemikirannya Memurnikan Islam*”, terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka telah menjelaskan tentang ketokohan Ibnu Taymiyyah. Ibnu Taymiyyah merupakan di antara imam yang memberikan petunjuknya kepada umat manusia dan memiliki tonggak yang kuat dalam memahami keutamaan fahaman perbandingan yang kemudian diikuti oleh muridnya al-Muhaqqiq al-Imam Ibnu al-Qayyim (m. 751 H.). Buku ini juga menjelaskan tentang manhaj Ibnu Taymiyyah berkaitan akidah dan perbandingannya di antara ulama-ulama sezaman dengannya. Menurut pengarang, Ibnu Taymiyyah mempunyai pendekatan yang tersendiri dalam menangani isu-isu akidah yang banyak berlaku pada zamannya.

Abd. Rasyid bin Idris @ Adir (2007) dalam tesis Ijazah Sarjananya yang bertajuk; “*Ibnu Taymiyyah Dan Pandangannya Terhadap Konsep Kenabian Aliran Falsafah Islam Al-Masya ‘iyyah*”, menjelaskan tentang Ibnu Taymiyyah dan pandangannya terhadap konsep kenabian yang menjadi perbincangan golongan Falsafah Islam aliran *Al-Masya ‘iyyah* (pengikut aliran Falsafah Aristotle). Beliau telah merumuskan bahawa pertentangan di antara Ibnu Taymiyyah dan golongan Falsafah Islam *Al-Masya ‘iyyah* adalah berasaskan perbezaan pendekatan dalam mentafsir nas syarak. Sarjana Falsafah sangat mengagungkan doktrin falsafah yang berasal dari

Yunani lalu menyelaraskannya dengan nas-nas agama, sebaliknya Ibnu Taymiyyah berpendapat bahawa itulah punca kesalahan dalam mentafsirkan nas-nas tersebut.

Amal Fathullah Zarkasyi (2005) telah menulis tesis; “*Konsep Tauhid Ibn Taymiyyah Dan Pengaruhnya Di Indonesia: Kajian Kes Terhadap Penggubalan Kurikulum Pengajian Akidah Di Pondok Modern Darussalam Gontor Ponorogo Indonesia*”. Disertasi ini telah dikemukakan bagi memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah Usuluddin di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Universiti Malaya. Kajian ini membicarakan tentang keperibadian Ibnu Taymiyyah dan akidahnya. Kajian ini lebih bersifat kajian lapangan yang banyak menggunakan pensampelan dan hanya memfokuskan pondok Modern Darussalam Gontor Ponorogo Indonesia.

Noorazah bte Zakaria (2003) dalam tesis Sarjana Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertajuk; “*Ilmu Kalam Dalam Persepsi Ibn Taymiyyah*”, dalam kajiannya ini hanya menyentuh personaliti Ibnu Taymiyyah dan pemikiran beliau dalam ilmu kalam. Perbahasan yang berkaitan ayat-ayat sifat tidaklah dibuat secara mendalam dan beliau juga tidak banyak memfokuskan kepada karya-karya lain yang ditulis oleh Ibnu Taymiyyah.

Al-Nadwī, Abū Al-Ḥasan ‘Ali Al-Ḥasanī (1993) telah menulis buku; “*Silsilah Rijāl Al-Fikr Wa Al-Da‘wah: Al-Hafiz Ahmad Bin Taymiyyah (Siri Tokoh-Tokoh Pemikiran Dan Dakwah: Al-Hafiz Ahmad Bin Taymiyyah)*”. Cetakan Dār Al-Qalam, Kuwait. Buku yang menarik ini mengetengahkan kesarjanaan Ibnu Taymiyyah dalam pelbagai disiplin ilmu di samping membuktikan betapa Ibnu Taymiyyah merupakan tokoh umat yang menafkahkan seluruh hidupnya untuk Islam.

Puteh Ishak (1993) dalam bukunya; “*Ibnu Taymiyyah: Sejarah Hidup dan Tasawuf*”, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur telah menghuraikan

kajian beliau berkaitan dengan keperibadian, latar belakang kehidupan dan keilmuan Ibnu Taymiyyah. Ia menyentuh tentang pendirian beliau berkaitan tasawuf serta pertentangan-pertentangan di antaranya dengan golongan Sufi.

Abū Zuhrah, Muḥammad²² (1991) telah menulis buku yang berjudul; “*Ibnu Taymiyyah: Hayatuhu wa ‘Asruhu – Ara‘uhu wa Fiqhuhu (Ibnu Taymiyyah: Kehidupannya Dan Zamannya – Pandangan-Pandangannya Dan Pegangan Fiqhnya)*”. Diterbitkan oleh Dār al-Fikr al-Arabiyy, Kaherah. Kandungan buku ini telah dijelaskan oleh tajuknya. Ia memaparkan kehidupan dan pendirian intelektual Ibnu Taymiyyah. Bagaimanapun penulis telah melakukan kritikan terhadap beberapa pendirian Ibnu Taymiyyah sama ada dalam urusan akidah mahupun dalam urusan hukum-hakam.

Hilmi, Mustafa Muḥammad (1982). Telah menulis sebuah buku bertajuk; “*Ibnu Taymiyyah Wa Al-Tasawwuf (Ibnu Taymiyyah Dan Tasawuf)*”, terbitan Dār Al-Dakwah, Iskandariyyah. Tulisan ini adalah berkenaan pandangan-pandangan Ibnu Taymiyyah terhadap tasawuf dan amalan-amalan hati. Ia menjelaskan betapa Ibnu Taymiyyah tidak memusuhi tasawuf sebagaimana yang disalah anggap oleh segelintir manusia apabila ia bertepatan dengan syarak.

1.7.2. **Muhammad Bin ‘Abd Al-Wahhāb**

Zakaria @ Mahmod Daud (2014) telah menulis buku yang berjudul “*Muhammad Ibn ‘Abd Al-Wahhab*”, terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka. Beliau telah mengemukakan persoalan tentang ajaran Muhammad bin ‘Abd al-Wahhāb atau lebih dikenali dengan ajaran Wahhabi yang sering ditimbulkan dalam kalangan masyarakat sejak dahulu

²² Abū Zuhrah Muḥammad, *Ibnu Taymiyyah: Hayātuhu Wa ‘Ashruhu, Ara‘uhu Wa Fiqhuhu* (Kaherah: Dār Al-Fikr Al-‘Arabi, 1991).

hingga kini. Ada yang menganggap bahawa ajaran Wahhabi ini tidak menyeleweng daripada ajaran *Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah*, sebaliknya ada juga yang berpendapat ajarannya terkeluar daripada ajaran *Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah*. Melalui buku Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb ini, beliau berjaya mengupas persoalan tentang pemikiran tokoh ini, antaranya tentang tauhid Uluhiyyah, Rubuiyyah, Asma’ wa al-Sifat, tawasul, dan syafaat. Beliau juga mengemukakan pandangan ulama dan sarjana Barat terhadap pemikiran Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb. Beliau juga menegaskan bahawa ajaran Wahhabi ini tidak terpesong daripada ajaran Islam berdasarkan fakta dan hujah ilmiah yang disokong oleh nas al-Quran dan hadis.

Mukhamad Syamsul Huda (2014) dalam tesis Ijazah Sarjananya di UIN Sunan Kalijaga yang bertajuk “*Pengaruh Pemikiran Teologi Muḥammad Bin ‘Abd Al-Wahhāb Terhadap Pemerintahan Dinasti Saudi Arabia Ketiga*”, telah menghuraikan tentang hubungan agama dan negara yang terbentuk melalui pengaruh pemikiran teologi Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb terhadap pemerintahan Dinasti Saudi Arabia Ketiga. Hubungan tersebut wujud berdasarkan kepentingan agama yang dibawa oleh Muḥammad dan kepentingan politik Ibnu Sa‘ud. Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb berusaha memurnikan syariat Islam daripada tindakan yang dianggap bid‘ah, khurafat dan tahayul, sementara Muḥammad bin Sa‘ud pula mempunyai kepentingan memperluaskan wilayah Jazirah Arab agar tunduk dalam kekuasaannya. Dalam kajian tersebut beliau telah merumuskan bahawa pemikiran teologi Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb telah memberi pengaruh yang signifikan terhadap Dinasti Saudi Arabia Ketiga. Kitab-kitab yang ditulis oleh Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb masih menjadi rujukan para ulama’ Arab Saudi sehingga ke hari ini. Pengaruh pemikiran teologi Muḥammad juga meliputi pelbagai bidang, antaranya budaya, tradisi, sistem politik, hukum, ekonomi dan pendidikan meskipun tahap pengaruhnya berbeza-beza.

Hersi Mohamad Hilole²³ (2012) menulis buku yang bertajuk “*Wahabi Sesatkah Mereka*”, yang telah diadaptasi daripada tesis Ijazah Sarjana Pengajian Islam beliau. Menurut beliau terdapat pelbagai pandangan masyarakat berkaitan dakwah yang dibawa oleh Muhammad bin ‘Abd al-Wahhāb pada kurun ke-12 Hijrah. Ada yang mengatakan ia adalah dakwah Salafi Sunni, iaitu Salaf yang mengutamakan sunnah. Sebahagiannya pula berpendapat gerakan Wahabi adalah gerakan bid‘ah. Menurut mereka, gerakan itu setaraf dengan Qadiani, Baha’i dan aliran-aliran al-Batini. Melalui kajian tersebut beliau telah berusaha mengenal pasti sumber asas yang wajar dirujuk oleh mereka yang ingin mengetahui hakikat dakwah Wahabi dan sikap lawan kepadanya. Beliau juga membuat penelitian tentang pemikiran Muhammad bin ‘Abd al-Wahhāb daripada sudut agama, sosiopolitik dan kajian analisisnya. Seterusnya membuat perbandingan pendapat terhadap pihak yang tidak bersetuju dengan Wahabi dan penyokongnya. Hasil kajian tersebut beliau telah rumuskan bahawa konflik yang berpunca daripada tafsiran yang diperkenalkan oleh aliran Wahabi tidak hanya mencerminkan secara negatif hubungan sedia ada antara Wahabi dan puak-puak lain, malah ia mempengaruhi masyarakat Islam yang menjadikan dakwah Wahabi sebagai mangsa pertama kepada pengaruh negatif ini. Dari sudut sosiopolitik pula beliau menyatakan terdapat kesan baik dalam kehidupan masyarakat Islam di semenanjung Arab. Sedangkan sebelum diperintah oleh Dinasti Sa‘ud, ia adalah rantau yang terbiar. Dakwah Wahabi berjaya menyatukan kawasan itu serta mewujudkan satu sistem politik yang kemas.

Zamihan Mat Zin al-Ghari²⁴ (2011) telah menulis dalam buku yang bertajuk; “*Salafiyah Wahabiyyah Suatu Penilaian*”, beliau menjelaskan tentang kedudukan

²³ Hersi Mohamad Hilole, *Wahabi Sesatkah Mereka?* (Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd., 2012).

²⁴ Zamihan Mat Zin al-Ghari, *Salafiyah Wahabiyyah Suatu Penilaian* (Kuala Lumpur, Cheras: Tera Jaya Enterprise, 2011).

sebenar fahaman Wahabi menurut kaca mata ulama' yang muktabar. Beliau menyatakan bahawa manhaj yang diguna pakai dalam Akidah Wahabiyyah ialah Manhaj *Mujassimah* yang dipelopori oleh *al-Harawiyin*. Di dalam buku ini juga menyatakan tentang ulama'-ulama' yang muktabar memerangi fahaman Wahabi ini.

Nor Hafizi bin Yusof (2008) dalam tesis Ijazah Sarjananya yang berjudul “*Salafi Wahabi: Tinjauan Terhadap Persepsi Dan Pemahaman Golongan Agama Terengganu*”, menjelaskan tentang fahaman Salafi Wahabi yang dikatakan bermula seawal abad ke-20 iaitu ketika berlakunya gerakan Islah di Mesir dan negara-negara di sekitarnya. Kesan daripada gerakan tersebut telah mempengaruhi ulama' tanah air yang belajar di luar negara khususnya di Arab Saudi dan Mesir yang kemudiannya memperjuangkannya di tempat masing-masing. Melalui kajian tersebut beliau memperjelaskan tentang kemunculan dan perkembangan golongan Salafi Wahabi sehingga sampai ke Terengganu meliputi akidah dan ibadah yang menjadi isu utama punca pertelingkahan dikalangan para ulama' dan golongan tersebut. Tinjauan dilakukan kepada golongan agama di Terengganu bagi menilai tahap pemahaman dan persepsi mereka terhadap fahaman Salafi Wahabi yang merangkumi latar belakang dan pegangan golongan tersebut. Hasil dapatan beliau menunjukkan, tahap golongan agama di Terengganu secara umumnya berada pada skala kurang faham. Persepsi mereka yang sederhana tidak bersetuju terhadap fahaman Salafi Wahabi ini berdasarkan perkaitan antara faktor demografi seperti tempat, jurusan dan tahap pengajian. Beliau mencadangkan pendirian *wasatiyyah* (sederhana) patut diambil oleh umat Islam dalam menangani permasalahan tersebut berdasarkan pandangan ulama'-ulama' yang muktabar.

Menurut Mohd Aizam Mas'od²⁵ (2006) dalam tulisan jurnalnya yang bertajuk; “*Isu Wahabiyyah: Menanganinya Secara Realiti*”, beliau menegaskan bahawa tidak semestinya penggerak fahaman ini mempunyai kaitan dengan Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb ataupun menjadikan kitab-kitabnya sebagai rujukan tetapi memadai dengan memakai manhaj akidah dan fiqh yang sama. Tiada puak yang mahu mengakui mereka adalah Wahabi walaupun menyetujui dan membenarkan gerakan Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb. Ini menimbulkan satu persoalan, kenapa gelaran “Wahabi” dipandang negatif oleh pengikut manhaj Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb sendiri sedangkan mereka bermati-matian mempertahankan akidah dan syariat yang diperjuangkan beliau? Dari segi bahasa sendiri pun ia tidak membawa kepada makna yang negatif bahkan merujuk kepada salah satu nama Allah (*al-Wahhāb*). Mereka lebih selesa menggelar gerakan mereka sebagai Pejuang Sunnah, Salafi dan sebagainya. Ini makin menjadikan gelaran ‘Wahabi’ semakin dipandang negatif.

Muhammad Fuad Kamaluddin al-Mālikī²⁶ (2004) dalam bukunya yang bertajuk; “*Wahabisme Dari Neraca Syarak*”, telah menjelaskan sejarah yang agak terperinci tentang asal usul fahaman Wahabi ini serta keburukan-keburukan fahaman Wahabi yang bertentangan dengan al-Quran dan *al-Sunnah*. Begitu juga tentang isu bid‘ah membida‘ah yang dibangkitkan oleh golongan Wahabi pada kedudukan yang sebenar menurut kaca mata para Ulama’. Beliau juga menjelaskan tentang persamaan fahaman golongan Wahabi ini dengan golongan *Khawārij*. Beliau juga mengetengahkan hujahan pembelaan terhadap amalan-amalan Sunnah yang dituduh

²⁵ Mohd Aizam Mas'od, “Isu Wahabiyyah: Menanganinya Secara Realiti”, *Jurnal Penyelidikan Islam JAKIM* 19 (2006).

²⁶ Muhammad Fuad Kamaluddin, *Wahabisme Dari Neraca Syarak* (Rembau: Madrasah al-Taufiqiah al-Husainiah, 2004).

sebagai amalan yang sesat mengikut acuan perbincangan berdasarkan kemunasabahan hadis dengan amalan-amalan tersebut.

Al-Marhum Sheikh Muḥammad Zaki Ibrahim²⁷ (2003) dalam buku kecilnya yang bertajuk “*Al-Salafīyyah Mu ‘āṣarah Ila Aīnā*”, beliau menggambarkan fahaman Wahabi ini bukan berasal daripada *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* bahkan adalah salah satu *firqah* dalam Islam yang bertentangan dengan pegangan Jumhur Ulama’ dari zaman Salaf hingga ke zaman Khalaf. Beliau juga menjelaskan siapakah golongan Ahli Sunnah yang sebenar. Beliau telah menghuraikan dalam tulisan tersebut tentang persoalan, adakah benar golongan Wahabi ini mengikut Manhaj *Salaf al-Šālih* ataupun tersasar?

Al-Marhum Sayyid Muḥammad ‘Alawi al-Mālikī²⁸ (1995) telah menulis sebuah buku yang bertajuk “*Mafaāhiim Yajib Ān Tuṣoh̲hīh*”, beliau telah membincarakan tentang pemikiran serta pemahaman-pemahaman yang terpesong daripada *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* antaranya adalah fahaman al-Wahabiyyah. Beliau telah menjelaskan tentang kesalahan yang wujud dalam fahaman al-Wahabiyyah dari sudut akidah. Beliau juga membincangkan dan menghuraikan asas-asas pegangan al-Wahabiyyah yang mencanggahi ijmak. Lantaran itu, beliau menyeru serta menasihati para pengikut Wahabi agar kembali berpegang dengan al-Quran dan *al-Sunnah* yang sebenar secara total.

Abū Zuhrah, Muḥammad²⁹ (1987) menyebut dalam bukunya; “*Tārīkh Al-Madhāhib Al-Islāmiyyah*”, tentang beberapa kesilapan metodologi dakwah yang

²⁷ Muḥammad Zaki Ibrāhim, *Al-Salafīyyah Mu ‘āṣarah Ila Aīnā* (Kaherah: Maktabah Ḣhya Al-Thuras, 2003).

²⁸ Muḥammad ‘Alwi al-Mālikī, *Mafaāhiim Yajib Ān Tuṣoh̲hīh* (Dubai: Dairat al-Auqaf wa al-Šyuun al-Islāmiyyah, 1995).

²⁹ Abū Zuhrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*.

disebar oleh gerakan Wahabiyyah, antaranya beliau mengatakan: “Mereka (Wahabiyyah) bukan hanya menjadikan konsep ibadat sebagaimana yang digariskan oleh Islam berdasarkan al-Quran dan *al-Sunnah* serta (pandangan) Ibnu Taymiyyah, bahkan juga mengehendaki adat hendaklah tidak terkeluar daripada lingkaran Islam (iaitu menganggap adat seumpama ibadat) lalu mereka mewajibkan (orang lain) apa yang mereka wajibkan ke atas diri mereka, kerana itu mereka mengharamkan rokok, bahkan bertegas dalam pengharamannya, sehingga golongan awam di kalangan mereka menganggap perokok adalah seumpama orang musyrik, maka mereka seumpama *Khawārij* yang (satu ketika dahulu) mengkafirkan pelaku dosa besar”. Muḥammad Abū Zuhrah seterusnya memberi kesimpulan bahawa punca kesilapan mereka adalah kerana keterlaluan dalam berpegang kepada pandangan Ibnu Taymiyyah, tambahan pula mereka telah melebarkan lagi *mafhum* bid‘ah sehingga menganggap perkara yang langsung tiada hubung kaitnya dengan ibadat juga termasuk ke dalam erti kata bid‘ah. Sedangkan bid‘ah sebenarnya adalah perkara-perkara ibadat yang dilakukan oleh seseorang hamba untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT tanpa mempunyai asas dalil agama.

Husain bin Gannam³⁰ (1985) telah menulis buku yang bertajuk; “*Tārīkh Najd*” dan disunting oleh Nāṣir al-Dīn al-Asad, dicetak oleh Dār al-Syuruk, cetakan ketiga tahun 1985. Buku ini antara buku-buku terpenting berkaitan sejarah peristiwa dan hal ehwal dakwah Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb. Beliau mencatatkan kebanyakan peristiwa yang berlaku pada zamannya khususnya yang berkaitan dakwah Muḥammad. Beliau turut memuatkan dalam buku tersebut beberapa risalah Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb dan ceramah-ceramahnya berkaitan ilmu tafsir. Penyunting (Nāṣir al-Dīn al-

³⁰ Husain bin Ghannam Ibnu Ghannam, *Tārīkh Najd Tahqīq: Naṣr al-dīn al-Asad* (Saudia Arabia: Riyadh, 1982).